

31 DEC 1998

Politik-Sorotan

1998 SAKSI PERGOLAKAN POLITIK PALING HEBAT

Oleh: AHMAD FUAD YAHYA

KUALA LUMPUR: Tahun 1998 menyaksikan pergolakan politik paling hebat dan penuh sensasi dalam sejarah negara berikutan tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sebelum ini disebut-sebut sebagai penggantinya.

Ada yang melihat perkembangan ini lebih sebagai perebutan kuasa antara Dr Mahathir dan Anwar dan ia disokong dengan pengajuran beberapa perhimpunan haram reformasi oleh para penyokong Anwar bagi menuntut Dr Mahathir meletakkan jawatannya.

Namun hakikatnya pergolakan itu mengukuhkan lagi kedudukan Dr Mahathir berdasarkan sokongan padu terhadap kepimpinannya oleh Majlis Tertinggi UMNO, para pemimpin parti itu di pelbagai peringkat serta parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dari satu segi, ini bererti lenyaplah pertikaian berhubung dasar-dasar dan langkah negara untuk mengatasi masalah ekonomi dan kewangan yang sedang melanda; dan betapa perlunya kini Dr Mahathir sendiri memikirkan cara-cara mengatasi bencana ekonomi dalam segala tindakan, dan seterusnya memegang kuasa bukan semata-mata kerana mementingkan kuasa.

Pergolakan politik ini memperlihatkan satu budaya yang kurang sihat dalam amalan demokrasi di negara ini iaitu penggunaan demonstrasi sebagai satu kaedah mencari perubahan politik.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan politik di Indonesia telah sedikit sebanyak mempengaruhi politik tanah air terutamanya apabila demonstrasi pelajar berupaya menjatuhkan Presiden Suharto yang telah memerintah selama 32 tahun.

Pemecatan Anwar dari kabinet pada 2 September dan penyingkirannya dari Umno sehari kemudian, menjadikan suasana politik di negara ini agak tegang dari awal September hingga kemuncaknya pada 20 Sept apabila Anwar ditangkap mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di rumahnya di Bukit Damansara selepas beliau mengetuai satu perhimpunan haram di Dataran Merdeka.

Demonstrasi menyokong Anwar untuk gerakan reformasi, yang sebahagian daripadanya berlarutan sehingga menjadi rusuhan, memaksa polis bertindak tegas termasuk menggunakan gas pemedih mata dan pancutan air bagi meleraikan penunjuk perasaan.

Beratus orang juga ditahan dan sebahagian daripada mereka didakwa di mahkamah kerana pelbagai kesalahan berhubung demonstrasi itu.

Sementara itu perbicaraan Anwar, terhadap empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya bagi menafikan perbuatan salahlaku seks, yang bermula pada 2 Nov menarik perhatian antarabangsa dan mendapat liputan meluas oleh media massa tempatan dan agensi berita luar negeri.

Penyingkiran Anwar turut memberi harapan kepada beberapa tokoh Umno untuk bertanding dan seterusnya menyandang jawatan Timbalan Presiden Umno yang menjadi kosong berikutan itu.

Walaupun menjadi hak mutlak Perdana Menteri melantik seseorang sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun mengikut amalan biasa, penyandang jawatan Timbalan Presiden UMNO dilantik ke jawatan itu.

Dr Mahathir pada mulanya menegaskan beliau menyerahkan kepada parti untuk memilih Timbalan Presiden baru sebelum beliau mengisi jawatan nombor dua dalam kerajaan tetapi kemudian mengubah fikiran.

Perdana Menteri telah menegaskan bahawa beliau sukar untuk memilih salah seorang daripada Naib Presiden parti iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah, yang juga merupakan tokoh veteran Umno juga disebut-sebut sebagai salah seorang yang mungkin dilantik ke dalam Kabinet.

Seorang lagi Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib, sedang bercuti daripada tugas parti bagi menghadapi perbicaraannya berhubung kes rasuah. Muhammad telah dibebaskan daripada tuduhan itu oleh mahkamah pada 29 Dis.

Sejak akhir-akhir ini Perdana Menteri berkata beliau sedang menimbangkan mereka yang layak untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri tetapi belum membuat sebarang keputusan.

Dalam perkembangan lain, ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore pada suatu majlis jamuan malam Persidangan Kemucak Perniagaan Apec di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menyokong gerakan reformasi di negara ini, menerima kecaman hebat daripada pelbagai golongan masyarakat Malaysia.

Pelbagai pihak telah menyuarakan bantahan terhadap kenyataan Gore itu, yang bukan sahaja disifatkan sebagai biadab dan kurang ajar, malah turut mencampuri hal ehwal dalaman Malaysia.

Sementara itu sebagai persiapan menghadapi pemilihan parti pada tahun depan, Umno yang mengadakan perhimpunan agung khas pada 13 Dis telah membuat beberapa pindaan pada perlembagaan parti.

Ia termasuk pemansuhan 10 undi bonus bagi calon Presiden dan Timbalan Presiden yang mendapat pencalonan dari satu-satu bahagian dan penggantian kaedah pencalonan bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi yang memerlukan sekurang-kurangnya pencalonan dari dua perwakilan bahagian, kepada kiraan peratusan.

Untuk pencalonan jawatan Presiden, pencalonan mesti dibuat oleh sekurang-kurangnya 30 peratus dari jumlah semua bahagian UMNO. Bagi Timbalan Presiden 25 peratus, Naib Presiden 10 peratus dan para anggota MT lima peratus.

Pindaan itu juga memperkenalkan fasal baru 20.7 iaitu anggota parti yang bertanding sebagai calon bebas atau menyertai parti lawan dalam pilihanraya, akan dipecat dari parti dan tidak boleh diterima sebagai anggota untuk selama-lamanya.

Lima hari selepas pemecatan Anwar, yang juga Menteri Kewangan, Dr Mahathir melantik dirinya sebagai Menteri Kewangan Pertama sementara Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan memegang jawatan Menteri Kewangan kedua.

Pengwujudan dua jawatan Menteri Kewangan adalah ciri baru dalam Kabinet kerana selama ini kementerian itu hanya mempunyai seorang Menteri.

Kira-kira tiga bulan sebelumnya iaitu pada 24 Jun, Dr Mahathir membuat satu kejutan apabila melantik semula bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kabinet menyandang portfolio Tugas-tugas Khas.

Sebelum ini Daim, yang juga Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuhkan pada Disember tahun lepas bagi menangani krisis ekonomi yang melanda negara sekarang.

Perlantikan Daim diumumkan serentak dengan perlantikan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Kasitah Gadam sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menggantikan Datuk Osu Haji Sukam yang meletakkan jawatan bagi menjadi Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Kepulangan Osu ke kancah politik Sabah adalah bagi memantapkan lagi kekuatan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya negeri, yang perlu diadakan tidak lewat daripada bulan Mac tahun hadapan.

Dr Mahathir ketika melawat Sabah pada penghujung bulan lepas telah menegaskan bahawa pilihan raya negeri Sabah adalah amat penting kerana ia menjadi barometer kepada masa depan Barisan Nasional.

Tempoh Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang akan berakhir pada 18 Mac

depan dan menurut Perlembagaan Negeri, pilihan raya boleh diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh itu.

Di Sarawak, perkembangan politik paling ketara ialah pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang menyaksikan Menteri Pembangunan Industri Sarawak Datuk Abang Johari Tun Openg dipilih dengan menewaskan penyandangannya Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seorang lagi calon, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak Datuk Adenan Satem, yang turut tewas dalam pertandingan bagi jawatan nombor dua dalam PBB itu bagaimanapun dilantik oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Presiden PBB, sebagai salah seorang daripada dua Naib Presiden Kanan parti setelah Majlis Tertinggi PBB meminda perlembagaan parti.

Sementara itu dalam parti-parti pembangkang, kecuali DAP, parti-parti lain tidak banyak bergolak tahun ini.

DAP telah bertindak menyingkir Setiausaha Publisitinya Wee Choo Keong dan menggantung bekas Naib Pengerusi Kebangsaan Liew Ah Kim dan bekas Bendahari Kebangsaan Fung Ket Wing kerana menganjurkan perjumpaan bagi mengecam pucuk pimpinan DAP peringkat kebangsaan dan negeri.

Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) turut mengambil kesempatan daripada pergolakan politik semasa untuk meluaskan pengaruh masing-masing dengan membentuk Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak), yang turut disertai lima belas pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan beberapa individu.

Presiden Pas Datuk Haji Fadzil Noor, telah dipilih sebagai Pengerusi majlis itu, yang ditubuhkan bagi menuntut keadilan untuk rakyat daripada kerajaan.

Selain Gerak, Pas turut melancarkan gerakannya sendiri untuk mendaftar anggota baru parti di seluruh negara dan mendakwa ramai anggota Umno telah menyertai parti itu dan tidak kurang juga yang menunjukkan minat.

Sementara itu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang meneruskan perjuangan suaminya telah dipilih sebagai Presiden penaja sebuah badan bukan politik, Pertubuhan Pergerakan Keadilan Sosial (Adil), untuk memperjuangkan keadilan sosial di negara ini.

Sepanjang tahun ini, negara hanya menyaksikan satu pilihan raya kecil iaitu bagi kawasan Parlimen Arau, di Perlis, berikutan kematian anggota Parlimen kawasan itu Kamarudin Ahmad pada 25 Mei.

Dalam pilihan raya yang berlangsung pada 4 Julai itu, BN menerima satu tamparan apabila calonnya Ismail Kassim, yang juga adik kepada Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim tewas kepada calon PAS Haji Hashim Jasin, Pesuruhjaya Pas Negeri Perlis.

Krisis ekonomi dan pemecatan Anwar jelas merupakan dua peristiwa utama yang meletus di tengah-tengah gelanggang politik negara pada 1998 dan ini dijangka berlarutan hingga ke tahun depan. - Bernama

AFY RS KGO